

Headline	TEROKA ilmu hutan		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	20 Jan 2015	Circulation	825,000
Section	Variasi	Readership	2,475,000
Page No	V5	ArticleSize	721 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 27,852
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	PR Value	RM 83,556
Frequency	Daily		



TEROKA *ilmu hutan*

FRIM seluas 545 hektar tawar pelbagai tarikan dan aktiviti rekreatif untuk pengunjung

Oleh Mohd Sabran Md Sani

sab@hmetro.com.my

Jangan terkejut jika ada dalam kalangan ‘budak bandar’ mempunyai persepsi negatif mengenai hutan. Mereka membayangkan hutan sebagai kawasan menakutkan, gelap, kotor, menggelikan dan dipenuhi haiwan berbisa.

Persepsi seperti itu seharusnya dielakkan, apatah lagi hutan menyimpan khazanah cukup berharga dalam menjamin kelestarian alam semula jadi.

Apa pun, bercakap soal hutan tentunya kita tidak dapat lari daripada menyentuh mengenai Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang terkenal sebagai sebuah institusi terkemuka dalam penyelidikan perhutanan tropika di dunia.

FRIM yang dahulunya dikenali sebagai Institut Penyelidikan Perhutanan (IPP) menyediakan ruang penerokaan untuk pembelajaran.

Berkedudukan di kawasan seluas 545 hektar bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Lagong di Perbandaran Kepong, FRIM menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk kemudahan murid dan pelajar sekolah.

Ia diwartakan sebaiknya Tapak Warisan Semula Jadi pada 10 Februari 2009 bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan melalui akta sama pada 10 Mei 2012 dan terkini Tapak Warisan Negara.

Ketua Komunikasi Korporat FRIM, Norhayati Nordin berkata, FRIM adalah satu destinasi ekopelancongan paling popular di Malaysia.

Kampus utamanya di Kepong menawarkan pelbagai tarikan dan aktiviti rekreasi untuk pengunjung.

Ia termasuk jelajah denai alam, mandi air terjun, aktiviti pendidikan alam, tapak perkhemahan dan perkalan, taman botani dan arboretum.

Satu tarikan utama adalah Titian Silara FRIM sepanjang 150 meter dan 30 meter dari aras tanah.

Aktiviti tapak perkhemahan katanya, sangat popular dan selamat kerana terletak paling dekat dengan Lembah Klang.

“Bagi orang bandar yang dahagakan ketenangan dan kedamaian, lokasi hutan ini sangat sesuai untuk aktiviti rekreasi,” katanya.

Malah, katanya, murid dan pelajar sekolah disediakan aktiviti mengenali pokok hutan dan memeriksa keasidan air sungai.

“Kita mahu pelajar menghargai alam sekitar dan mengenali tumbuhan hutan yang jarang ditemui.

“Sekurang-kurangnya, apa yang dilihat boleh diceritakan semula kepada keluarga dan rakan,” katanya.

Dengan bantuan jurupandu terlatih serta kakitangan FRIM, peserta didedahkan dengan pelbagai ilmu hutan.

“Mungkin ada fakta melucukan yang boleh menarik perhatian mereka seperti pokok melembu yang mempunyai benjolan pada kulit menyerupai mata lembu dan simpon gajah.

“Pengalaman melalui denai pula akan diingati sampai bila-bila,” katanya.

Pada waktu malam, mereka boleh menyaksikan kunang-kunang berterbang dan menyertai aktiviti melihat katak menerusi program berjalan malam.

Dua ikon FRIM yang akan diingati adalah ‘Canopy Walk’ atau Titian Silara iaitu laluan berkanopi dari pokok ke pokok dan feno-

mena Crown Shyness.

Dari atas pokok peserta dapat mengenal spesies pokok hutan jarang ditemui seperti merbau, kapur, surian batu dan kasah.

Satu spesies yang menjadi pendapatan negara terutama bagi industri perkayuan adalah pokok keruing, yang juga nama salah satu denai popular di FRIM.

Selain aktiviti perkhemahan, FRIM juga menyediakan program menanam pokok yang dianjurkan setiap tahun sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Alam Sekitar pada Jun.

Pelawat bagaimanapun dilarang melakukan aktiviti seperti membuang sampah, memancing, memburu atau mengganggu haiwan serta mengambil tumbuhan, pokok, bunga, buah-buahan atau haiwan.

Selain FRIM Kepong, FRIM Mata Air di Perlis juga menyediakan aktiviti sama, cuma tidak mengajurkan aktiviti berjalan malam manakala FRIM Pasoh di FELDA Pasoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang berkeluasan 50 hektar menjadi pusat kajian saintis antarabangsa.

Headline	TEROKA ilmu hutan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V5	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	721 cm ²
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	AdValue	RM 27,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,556




FENOMENA Crown Shyness.



TITIAN Silara menarik peserta.

Headline	TEROKA ilmu hutan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V5	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	721 cm ²
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	AdValue	RM 27,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,556



AKTIVITI air terjun.



KANAK-kanak teruja melihat hutan FRIM.

Headline	TEROKA ilmu hutan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V5	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	721 cm ²
Journalist	Mohd Sabran Md Sani	AdValue	RM 27,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 83,556



ANTARA aktiviti disediakan.